

# TEKS UCAPAN MAJLIS PENUTUP



**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**HARI PSIKOLOGI TAHUN 2019 "PSYC 4"  
KOLABORASI PRESINT 4, PUTRAJAYA**

**"FENOMENA MEDIA SOSIAL"**

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS B1, KKMM**

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.***

**YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**YBrs. Encik Noor Mohd Huzaila Abdul Majid  
Pengarah Bahagian Pengurusan  
Jabatan Peguam Negara**

**Tuan-tuan dan puan-puan, Ketua-ketua Jabatan serta hadirin yang dihormati sekalian.**

1. *Alhamdulillah*, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin Nya dapat kita sama-sama berhimpun di dalam Dewan ini sempena Hari Psikologi Tahun 2019 yang dikolaborasikan bersama Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Pembangunan Wanita.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua yang menunjukkan kesungguhan yang tinggi terhadap usaha meningkatkan kualiti modal insan perkhidmatan awam.
3. Tema yang telah dipilih untuk Hari Psikologi 2019 : “Fenomena Media Sosial” merupakan sesuatu yang sangat relevan dengan persekitaran dan tuntutan pada hari ini.
4. Kita semua sedia maklum bahawa media sosial pada hari ini telah banyak memberi kesan kepada kehidupan, sama ada secara positif mahupun negatif.

5. Kebanyakan medium komunikasi pada hari ini adalah melalui media sosial. Komunikasi merupakan suatu proses penyampaian maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain, selain ia turut membentuk suatu perkongsian makna, perasaan dan idea.

6. Internet telah banyak mengubah cara kehidupan dan bentuk komunikasi masyarakat pada sekitar awal tahun 2000. Namun, kesan terhadap pencapaian teknologi ini sering menjadi topik perdebatan hangat dalam kalangan pengkaji sosial (*social researchers*). Sebanyak 28.7 juta rakyat Malaysia telah menggunakan Internet pada tahun 2018 dengan pelbagai jenis kegunaan (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2019). Di antaranya seperti perbankan atas talian (*online banking*), perhubungan sosial (*social networking*), pendidikan (*education*) dan perkhidmatan (*services*).

7. Kajian oleh sekumpulan pengkaji Barat terhadap teknologi penyumbang kepada pengurangan keterlibatan sosial dan kesejahteraan psikologi mendapati bahawa teknologi yang dicipta adalah untuk tujuan komunikasi dan tidak memberi implikasi terhadap hubungan sosial dengan keluarga. Walau bagaimanapun, sesuatu yang saya kira penting untuk kita tahu bahawa teknologi telah mengurangkan keterlibatan masyarakat dengan aktiviti sosial dalam komuniti dan paling membimbangkan teknologi boleh mengakibatkan peningkatan kadar depresi (*depression*) dan kesunyian (*loneliness*) (1998). Saya ingin tuan-tuan dan puan-puan menonton siaran ini.

(*Video Deepavali KKMM akan ditayangkan kepada hadirin*)

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Teknologi komunikasi juga sebenarnya membenarkan kita menambah jaringan perhubungan sosial, komunikasi dengan keluarga dan rakan serta untuk tujuan tugas-tugas lain.

9. Sama ada teknologi ini benar-benar memberi kesan positif dan negatif adalah bergantung kepada sejauh mana individu meletakkan nilai perhubungan sosial tersebut.

10. Kajian oleh Bikman, Eveland, Hampton dan Wellman (2015) mendapati bahawa teknologi komunikasi dalam kehidupan ternyata boleh meningkatkan penghargaan individu terhadap orang lain yang mereka tidak dapat berkomunikasi secara bersemuka. Perhubungan akan menjadi lebih erat dengan teknologi yang dicipta ini.
11. Kesejahteraan psikologi yang digambarkan dalam perkhidmatan awam adalah memiliki emosi positif, kepuasan hidup, kefungasian psikologi, kesejahteraan sosial dan kawalan terhadap emosi negatif.
12. Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* (WHO) telah mendefinisikan kesihatan sebagai "*a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease and infirmity*" [keadaan kesejahteraan fizikal yang menyeluruh, kesejahteraan mental dan sosial dan bukan ketiadaan penyakit atau kelemahan semata-mata].
13. Justeru, saya meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama memainkan peranan yang sewajarnya dalam pengurusan organisasi untuk membangun modal insan dan pada masa yang sama sentiasa menjadikan teknologi komunikasi sesuatu yang positif. Ianya harus menjadi satu agenda yang penting untuk diambil perhatian ke arah membentuk pekerja yang boleh bersaing secara sihat dan memiliki moral yang tinggi dengan menggunakan teknologi masa kini bagi memberi impak positif khususnya dalam perkhidmatan awam.
14. Harus diingat juga, individu yang matang serta sejahtera psikologi adalah menjadi penentu kepada kejayaan seseorang dalam kerjaya mahupun kehidupan (Lee, 1999). Ia sangat bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk membentuk modal insan berkualiti dan berprestasi tinggi. Ini sudah tentu memberi impak yang positif kepada pencapaian matlamat organisasi dan negara.

## **PENUTUP**

15. Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai yang berjaya menghadiri diri pada program hari ini. Ucapan terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Pembangunan Wanita di atas kerjasama strategik yang telah diberikan. Saya juga berharap agar kolaborasi ini dapat diteruskan serta dipanjangkan ke semua agensi di bawah kementerian masing-masing bagi pelaksanaan program-program yang akan datang.

16. Saya yakin dengan kolaborasi berpanjangan dalam semua program bakal memberi impak maksimum yang bukan untuk kejiranan kita sahaja, tetapi untuk rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

17. Saya turut ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua hadirin, semoga usaha murni ini akan membuahkan hasil yang baik kepada perkhidmatan awam serta menyokong kepada pencapaian matlamat utama Kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

18. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahir Rahmannir Rahim**, secara rasminya saya menutup Hari Psikologi Tahun 2019, Kolaborasi Strategik Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Pembangunan Wanita.

Sekian.

**Wabillahittaufik walhidayah, Wassalam'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD**  
**6 NOVEMBER 2019**